

PAS-NAFI

1984

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) -- PAS HARI INI MENAFIKAN WUJUDNYA PASUKAN BERANI MATI YANG DIKATAKAN DITUBUHKAN OLEH PARTI ITU DALAM USAHANYA +MEMERANGI+PARA PEMIMPIN UMNO, TERMASUK PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

TIMBALAN PRESIDEN PARTI ITU, ENCIK FADZIL NOR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI BAHAWA PASUKAN SEUMPAMA ITU +TIDAK WUJUD SAMA ADA DI PERINGKAT NEGERI ATAU PUSAT+.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN-LAPORAN MENGENAI KEWUJUDAN PASUKAN ITU DALAM PAS SERTA PENGESAHAN MENGENAINYA OLEH PERDANA MENTERI SEMALAM.

ENCIK FADZIL MENYATAKAN RASA DUKACITA KERANA DATUK SERI DR. MAHATHIR, KATANYA, TELAH MENJADIKAN PERKARA TERSEBUT SEBAGAI +ISU TERBUKA+.

BELIAU JUGA KESAL TENTANG KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH BEKAS Pengerusi Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), ENCIK KASSIM AHMAD, BERHUBUNG DENGAN KEDUDUKAN PAS MASAKINI.

ENCIK KASSIM, DALAM KENYATAANNYA DI KANGAR SEMALAM, MENYERU PAS SUPAYA MENGHENTIKAN SEGERA AMALAN FITNAH-MEMFITNAH DAN SEBALIKNYA HENDAKLAH MENJADI SEBUAH PARTI PEMBAKANG YANG SIHAT.-LAGI.
1525MST IS 09 84

D174

R B789 AAB

PAS-NAFI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PERANAN PENTXNG YANG HARUS DIMAINKAN OLEH PARTI PEMBAKANG IALAH MENKRITIK KE ARAH KEBAIKAN, BUKAN MENABUR FITNAH YANG BOLEH MENIMBULKAN HURU-HARA DALAM MASYARAKAT.

ENCIK FADZIL MENDAKWA BAHAWA ENCIK KASSIM HANYA MENDAPAT MAKLUMAT MENGENAI PAS DARI ORANG-ORANG UMNO DAN TIDAK DARI ORANG-ORANG PAS.

SEMENTARA ITU, POLIS KEDAH/PERLIS KETIKA DIHUBUNGI DI ALOR SETAR. ENGGAN MENGULAS TENTANG KEWUJUDAN PASUKAN BERANI MATI ITU. -- BERNAMA